



30 September 2024
30 September 2024
P.U. (A) 258

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM
(TANDA AMARAN LARANGAN MEROKOK) 2024

*CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH
(WARNING SIGN OF PROHIBITION OF SMOKING)
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM
(TANDA AMARAN LARANGAN MEROKOK) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 18(1)(a) dan subseksyen 53(2) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Tanda Amaran Larangan Merokok) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

Tanggungjawab mempamerkan tanda amaran larangan merokok

2. (1) Tuan punya atau penghuni apa-apa kawasan atau tempat larangan merokok yang diisytiharkan melalui Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Larangan Merokok) 2024 [P. U. (A) 257/2024] hendaklah, pada setiap masa mempamerkan suatu tanda amaran larangan merokok mengikut spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama di mana-mana bahagian yang mudah dilihat pada bangunan atau kenderaan atau di mana-mana laluan masuk kawasan atau tempat itu.

(2) Tanda amaran larangan merokok yang dipamerkan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi kod QR yang jelas dan boleh diimbas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

TANDA AMARAN LARANGAN MEROKOK

1. Dalam Jadual ini—

“teksi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Jadual Pertama Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*];

“kereta sewa” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Jadual Pertama Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dan

“kenderaan *e-hailing*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Jadual Pertama Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

2. Spesifikasi tanda amaran larangan merokok hendaklah sebagaimana yang berikut:

(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
1. Di dalam mana-mana bangunan	(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat (b) Saiz minimum papan tanda hendaklah seperti yang berikut: (i) 40 sm (lebar) x 50 sm (panjang) (ii) suatu bulatan dan tanda palang bercetak dengan ketebalan minimum 2.5 sm dan mesej "DILARANG MEROKOK" bersaiz minimum 100 poin (iii) suatu mesej bercetak "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" dan "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my" bersaiz minimum	(a) Tujuh puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas papan tanda dengan latar belakang berwarna putih tulen dan tiga puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian bawah papan tanda diliputi dengan latar belakang berwarna kuning (b) Suatu bulatan berwarna merah dan tanda palang berwarna merah bercetak yang jelas menindih pada imej produk merokok berwarna hitam yang dinyalakan dengan simbol berwarna merah pada bahagian atas papan tanda putih tulen dan mesej "DILARANG MEROKOK" hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam	Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama	

(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
	100 poin dan kod QR bersaiz 10 sm x 10 sm	(c) Suatu mesej bercetak yang jelas “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam dan kod QR di bahagian sebelah kiri papan tanda itu		
2. Di dalam mana-mana kenderaan awam selain teksi, kereta sewa atau kenderaan <i>e-hailing</i>	(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat (b) Saiz minimum papan tanda hendaklah seperti yang berikut: (i) 15 sm (lebar) x 18 sm (panjang) (ii) suatu bulatan dan tanda palang bercetak dengan ketebalan minimum 0.5 sm dan mesej “DILARANG MEROKOK”	(a) Tujuh puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas papan tanda dengan latar belakang berwarna putih tulen dan tiga puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian bawah papan tanda diliputi dengan latar belakang berwarna kuning	Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama	

(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
	bersaiz minimum 40 poin (iii) suatu mesej bercetak “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” bersaiz minimum 20 poin dan kod QR bersaiz 4 sm x 4 sm	(b) Suatu bulatan berwarna merah dan tanda palang berwarna merah bercetak yang jelas menindih pada imej produk merokok berwarna hitam yang dinyalakan dengan simbol berwarna merah pada bahagian atas papan tanda putih tulen dan mesej “DILARANG MEROKOK” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam (c) Suatu mesej bercetak yang jelas “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam dan kod QR di bahagian sebelah kiri papan tanda itu		

(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
3. Di dalam mana-mana teksi, kereta sewa atau kenderaan <i>e-hailing</i>	(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat (b) Saiz minimum papan tanda adalah seperti yang berikut: (i) 8 sm (lebar) x 10 sm (panjang) (ii) suatu bulatan dan tanda palang bercetak dengan ketebalan minimum 0.25 sm dan mesej "DILARANG MEROKOK" bersaiz minimum 25 poin (iii) suatu mesej bercetak "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" dan "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my" bersaiz minimum	(a) Tujuh puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas papan tanda dengan latar belakang berwarna putih tulen dan tiga puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian bawah papan tanda diliputi dengan latar belakang berwarna kuning (b) Suatu bulatan berwarna merah dan tanda palang berwarna merah bercetak yang jelas menindih pada imej produk merokok berwarna hitam yang dinyalakan dengan simbol berwarna merah pada bahagian atas papan tanda putih tulen dan mesej "DILARANG MEROKOK" hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam	Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama	


(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
	10 poin dan kod QR bersaiz 2 sm x 2 sm	(c) Suatu mesej bercetak yang jelas “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam dan kod QR di bahagian sebelah kiri papan tanda itu		
4. Di laluan masuk ke mana-mana kawasan atau tempat	(a) Papan tanda hendaklah berbentuk segi empat tepat (b) Saiz minimum papan tanda hendaklah seperti yang berikut: (i) 60 sm (lebar) x 90 sm (panjang) (ii) suatu bulatan dan tanda palang bercetak dengan ketebalan minimum 5 sm dan mesej “DILARANG	(a) Tujuh puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian atas papan tanda dengan latar belakang berwarna putih tulen dan tiga puluh peratus kawasan liputan ditempatkan dari bahagian bawah papan tanda diliputi dengan latar belakang berwarna kuning	Apa-apa bahan yang keras, legap dan tahan lama	

(1) KAWASAN ATAU TEMPAT	(2) BENTUK/SAIZ	(3) PERIHALAN	(4) BAHAN	(5) REKA BENTUK
	MEROKOK” bersaiz minimum 200 poin (iii) suatu mesej bercetak “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” bersaiz minimum 95 poin dan kod QR bersaiz 15 sm x 15 sm	(b) Suatu bulatan berwarna merah dan tanda palang berwarna merah bercetak yang jelas menindih pada imej produk merokok berwarna hitam yang dinyalakan dengan simbol berwarna merah pada bahagian atas papan tanda putih tulen dan mesej “DILARANG MEROKOK” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam (c) Suatu mesej bercetak yang jelas “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” dan “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” hendaklah dalam tulisan Arial berwarna hitam dan kod QR di bahagian sebelah kiri papan tanda itu		

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2(2)]

KOD QR PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK



Dibuat 26 September 2024
[KKM.600-1/1/63 JLD3 (62); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH ACT 2024

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH
(WARNING SIGN OF PROHIBITION OF SMOKING) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 18(1)(a) and subsection 53(2) of the Control of Smoking Products For Public Health Act 2024 [Act 852], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Smoking Products For Public Health (Warning Sign of Prohibition of Smoking) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2024.

Duty to display a warning sign of prohibition of smoking

2. (1) The proprietor or occupier of any non-smoking area or place declared by the Control of Smoking Products For Public Health (Declaration of Non-Smoking Area or Place) Order 2024 [P.U. (A) 257/2024] shall, at all times display a warning sign of prohibition of smoking in accordance with the specifications as specified in the First Schedule at any conspicuous part of the building or vehicle or at any entrance to the area or place.

(2) The warning sign of prohibition of smoking displayed under subregulation (1) shall contain a clear and scannable QR code as specified in the Second Schedule.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

WARNING SIGN OF PROHIBITION OF SMOKING

1. In this Schedule—

“taxi cab” has the meaning assigned to it in the First Schedule of the Land Public Transport Act 2010 [*Act 715*];

“hire car” has the meaning assigned to it in the First Schedule of the Land Public Transport Act 2010; and

“e-hailing vehicle” has the meaning assigned to it in the First Schedule of the Land Public Transport Act 2010.

2. Specifications of a warning sign of prohibition of smoking shall be as follows:

(1) AREA OR PLACE	(2) SHAPE/SIZE	(3) DESCRIPTION	(4) MATERIAL	(5) DESIGN
1. In any building	(a) The signboard shall be rectangular in shape (b) The minimum size of the signboard shall be as follows: (i) 40 cm (wide) x 50 cm (long) (ii) a printed circle and a crossbar with the minimum thickness of 2.5 cm and the message of "DILARANG MEROKOK" with the minimum size of 100 points (iii) a printed message "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" and "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my"	(a) Seventy percent coverage area to be positioned from the top of the signboard with a pure white background and thirty percent coverage area to be positioned from the bottom of the signboard covered with a yellow background (b) A clear printed red coloured circle and a red coloured crossbar superimposed on the image of black coloured lighted smoking products with a red coloured symbol on the top of a pure white signboard and the message of "DILARANG MEROKOK" shall be in a black coloured Arial (c) A clear printed message "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" and "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my" shall be	Any hard, opaque and a long-lasting material	

(1) AREA OR PLACE	(2) SHAPE/SIZE	(3) DESCRIPTION	(4) MATERIAL	(5) DESIGN
	with the minimum size of 100 points and a QR code with the size of 10 cm x 10 cm	in a black coloured Arial and a QR code at the left side of the signboard		
2. In any public vehicle other than taxi cab, hire car or e-hailing vehicle	(a) The signboard shall be rectangular in shape (b) The minimum size of the signboard shall be as follows: (i) 15 cm (wide) x 18 cm (long) (ii) a printed circle and a crossbar with the minimum thickness of 0.5 cm and the message of "DILARANG MEROKOK" with the minimum size of 40 points	(a) Seventy percent coverage area to be positioned from the top of the signboard with a pure white background and thirty percent coverage area to be positioned from the bottom of the signboard covered with a yellow background (b) A clear printed red coloured circle and a red coloured crossbar superimposed on the image of black coloured lighted smoking products with a red coloured symbol on the top of a pure white signboard and the message of "DILARANG MEROKOK" shall be in a black coloured Arial	Any hard, opaque and a long-lasting material	

(1) AREA OR PLACE	(2) SHAPE/SIZE	(3) DESCRIPTION	(4) MATERIAL	(5) DESIGN
	(iii) a printed message “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” and “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” with the minimum size of 20 points and a QR code with the size of 4 cm x 4 cm	(c) A clear printed message “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” and “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” shall be in a black coloured Arial and a QR code at the left side of the signboard		
3. In any taxi cab, hire car or e-hailing vehicle	(a) The signboard shall be rectangular in shape (b) The minimum size of the signboard shall be as follows: (i) 8 cm (wide) x 10 cm (long) (ii) a printed circle and a crossbar with the minimum thickness of 0.25 cm and the	(a) Seventy percent coverage area to be positioned from the top of the signboard with a pure white background and thirty percent coverage area to be positioned from the bottom of the signboard covered with a yellow background (b) A clear printed red coloured circle and a red coloured crossbar superimposed on the image of black coloured lighted	Any hard, opaque and a long-lasting material	

(1) AREA OR PLACE	(2) SHAPE/SIZE	(3) DESCRIPTION	(4) MATERIAL	(5) DESIGN
	message of “DILARANG MEROKOK” with the minimum size of 25 points (iii) a printed message “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” and “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” with the minimum size of 10 points and a QR code with the size of 2 cm x 2 cm	smoking products with a red coloured symbol on the top of a pure white signboard and the message of “DILARANG MEROKOK” shall be in a black coloured Arial (c) A clear printed message “DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK” and “LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my” shall be in a black coloured Arial and a QR code at the left side of the signboard		
4. At the entrance of any area or place	(a) The signboard shall be rectangular in shape (b) The minimum size of the signboard shall be as follows: (i) 60 cm (wide) x 90 cm (long)	(a) Seventy percent coverage area to be positioned from the top of the signboard with a pure white background and thirty percent coverage area to be positioned from the bottom of the signboard covered with a yellow background	Any hard, opaque and a long-lasting material	

(1) AREA OR PLACE	(2) SHAPE/SIZE	(3) DESCRIPTION	(4) MATERIAL	(5) DESIGN
	(ii) a printed circle and a crossbar with the minimum thickness of 5 cm and the message of "DILARANG MEROKOK" with the minimum size of 200 points (iii) a printed message "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" and "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my" with the minimum size of 95 points and a QR code with the size of 15 cm x 15 cm	(b) A clear printed red coloured circle and a red coloured crossbar superimposed on the image of black coloured lighted smoking products with a red coloured symbol on the top of a pure white signboard and the message of "DILARANG MEROKOK" shall be in a black coloured Arial (c) A clear printed message "DAPATKAN PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK" and "LAYARI LAMAN SESAWANG jomquit.moh.gov.my" shall be in a black coloured Arial and a QR code at the left side of the signboard		

SECOND SCHEDULE

[Subregulation 2(2)]

QR CODE FOR SMOKING CESSATION SERVICES



Made 26 September 2024
[KKM.600-1/1/63 JLD3 (62); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health